

Pembantu rumah Exco DAP dilindungi

Oleh MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 13 JULAI

TIMBALAN Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail menolak dakwaan segelintir pihak yang mempertikaikan sistem keadilan negara kononnya dilihat seolah-olah mengabaikan nasib pembantu rumah yang mendakwa dirogol seorang Exco di Perak.

Katanya, wanita warga Indonesia berkenaan kini diletakkan di bawah jagaan dan tanggungjawab pihak berkaitan.

"Pihak tersebut telah mengambil tindakan dengan meletakkan pembantu rumah terbabit di bawah perlindungan mereka.

"Tidak boleh katakan kita tidak membela (pembantu rumah) selepas dia buat laporan polis. Tertuduh pun telah diam-bil tindakan dan kini telah bebas dengan jaminan polis," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita dalam majlis perasmian forum Keibubapaan Kreatif Mendepani Cabaran Alaf Baharu sempena sambutan Hari Ibu Bapa Peringkat Kebangsaan 2019 di Dewan Auditorium Universiti Putra



DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL (dua dari kanan) melawat pameran yang dianjurkan sempena forum Keibubapaan Kreatif Menghadapi Cabaran Alaf Baharu di UPM, Serdang, Selangor semalam. - UTUSAN/ROSNI MASRI

Malaysia (UPM), di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Hannah Yeoh.

Polis sebelum ini telah menahan Exco kerajaan negeri dari DAP Paul Yong setelah pembantu rumahnya itu membuat laporan. Ahli Dewan Undangan Negeri Tronoh itu telah dibebas-

kan dengan jaminan polis se mentara siasatan dilengkapkan dan bertugas seperti biasa.

Dalam pada itu, mengulas laporan sebuah akhbar berkenaan isu warga asing memper alatkan gadis Orang Asli, Dr. Wan Azizah berkata, pihaknya tidak akan membiarkan wanita di negara ini dieksplorasi.